

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUANTAN

PERBICARAAN JENAYAH NO: 45 - 1 - TAHUN 2000

PENDAKWA RAYA

LAWAN

- 1. MOHAMAD ANUAR BIN OMAR (KP:720916-06-5391)**
- 2. AHMAD JAIS BIN OMAR (KP: A0572865)**
- 3. MOHD SHARIF BIN TALIB (KP: A2312478)**

ALASAN PENGHAKIMAN

Tertuduh-Tertuduh dalam perbicaraan ini menghadapi tuduhan berikut:

“Bahawa kamu, bersama-sama pada 4hb Jun, 1999, jam lebih kurang 1.00 tengah hari hingga 3.15 petang, bertempat di lot nombor 1246, Kampung Sungai Soi, Kuantan, dalam daerah Kuantan, di negeri Pahang Darul Makmur, bagi mencapai niat umum bersama, dengan niat membunuh, didapati telah menyebabkan kematian terhadap Nik Khazanah binti Wan Yaacob KP: 1974437, berumur lebih kurang 50 tahun, maka kamu dengan ini telah melakukan suatu kesalahan membunuh dengan niat yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksan dibaca bersama dengan seksyen 34 kanun yang sama.”

Kes Pendakwaan

2. Pada pukul 11.40 pagi 5.6.1999, Koperal Zulkifli bin Mohd Salleh (SP19) menerima maklumat daripada Dzulkarnain bin Awang Long (SP12) bahawa sebuah motorvan dan mayat dijumpai di dalam semak di Lorong Permatang Ubi, Kg. Sungai Soi, Kuantan. Dia telah memberitahu hal itu kepada ASP Siva Pergahsum a/l Shahmugam (SP18) yang menjalankan siasatan selanjutnya.

3. Hasil siasatan mendedahkan fakta berikut. Pada pagi 4.6.1999 Nik Khazanah binti Wan Yaacob (simati atau Kak Zimah) telah keluar dari rumahnya untuk mengutip hutang di sekitar Kg. Sungai Soi. Simati berniaga barangan dengan harga dibayar secara ansuran. Beliau juga mengambil pesanan pelanggannya dan mengutip hutang pada awal bulan mengikut tarikh dan kawasannya. Pada hari itu simati tidak pulang ke rumah dan gagal dihubungi. Suaminya telah membuat laporan polis.

4. Kali terakhir simati dilihat masih hidup ialah di rumah Tertuduh 1 (Anuar) di mana ketiga-tiga Tertuduh dan Roslida bt. Hamid (SP4)

isteri Anuar turut hadir. Di rumah inilah simati telah menemui ajalinya. Mayat simati ditemui dalam van yang terbakar. Leher simati dililiti seutas wayar. Barang-barang kemas simati telah digadaikan oleh SP4 dan kakaknya Rokiah bt. Hamid (SP14) atas arahan Anuar di kedai emas di Pasir Putih, Kelantan.

5. Saksi utama pendakwaan, SP4 menceritakan apa yang berlaku di rumahnya pada 4.6.1999. Menurutnya, Jais dan Lobo datang ke rumahnya pagi itu dan pergi ke belakang rumah. Apabila Anuar balik dari bekerja sejam kemudian dia terus ke belakang rumah. SP4 tidak tahu apa mereka buat kerana dia tidur. Selepas itu ketiga-tiga Tertuduh datang ke dapur dan SP4 dikejutkan. Jais menyuruh SP4 menelefon kakak iparnya Salmi dengan pesanan jika Kak Zimah datang ke rumahnya minta Kak Zimah datang ke rumah SP4 kerana Jais hendak bayar hutang barang yang diambil olehnya. SP4 bertanya kenapa Jais yang menyuruhnya. Bila SP4 tengok ke arah Anuar, suaminya berkata “pergilah”. Ketika itu Lobo ada bersama. SP4 pergi ke rumah jirannya Kak Jarah (SB6) menelefon Salmi dan berpesan seperti yang diarah. Apabila dia balik Anuar berada di

dalam bilik manakala Jais dan Lobo berada di ruang tamu di depan rumah sedang menonton TV.

6. Kak Zimah kemudian menelefon telefon bimbit Anuar dan memberitahu SP4 yang dia akan datang. SP4 juga terdengar perbualan antara Jais dan Lobo di mana salah seorang daripada mereka ada berkata “Kita terpaksa ragut Kak Zimah, kalau tidak kita sakit.”

7. Pada tengah hari itu, SP4 terdengar bunyi kenderaan masuk ke kawasan rumahnya. Dia berada di dapur. Apabila dia hendak keluar ke depan, Jais telah melarangnya dan menyuruhnya duduk di situ. Dia nampak Lobo menunggu di belakang pintu depan. Apabila Kak Zimah memberi salam dan masuk ke rumah itu, daun pintu terus ditutup. Lobo telah pegang Kak Zimah, dan mengilas tangannya ke belakang. Jais cuba meragut beg daripada Kak Zimah. Kemudian Anuar keluar dari bilik dalam keadaan terpinga-pinga. SP4 mendengar Jais berkata, “Anuar, ambil kayu, ketuk”. Anuar mengambil kayu dan ketuk kepala Kak Zimah menyebabkannya

terkulai lemah. Jais menyambut Kak Zimah dan Lobo dengan sertamerta menolak SP4 masuk ke bilik dan bilik itu dikunci dari luar. SP4 bersama anak-anaknya di dalam.

8. Apabila pintu itu dibuka semula oleh Anuar, SP4 nampak Kak Zimah terbaring di depan bilik dengan tali menjerut di lehernya. SP4 bertanya kenapa Kak Zimah jadi macam itu dan Jais berkata kepadanya, “Kau diam, kalau tidak, kau jadi macam ini.” Mereka mengugutnya supaya jangan bising dan jangan pergi ke mana-mana. SP4 tidak pasti sama ada Jais atau Anuar mengambil cadar untuk membungkus Kak Zimah sementara Lobo keluar rumah dan mengalih kedudukan van. Lobo kemudian mencabut plet van. Plet depan dibawa ke dapur manakala plet belakang dibuang ke dalam semak.

9. Mengikut SP4, apabila dia keluar dari bilik, dia nampak tali di leher simati yang tidak lagi bergerak. Ketiga-tiga Tertuduh telah mengangkat simati ke dalam van sebelum mereka bersama-sama keluar dengan van itu. SP4 ingat nombor plet van itu, iaitu CAC 4948.

10. Pada malam itu, SP4 pergi bersama Anuar dan anak-anak mereka ke rumah ibu mertuanya (SB3). Dia kemudian menemani Anuar keluar ke bandar Kuantan. Sebelum pergi Anuar masuk ke dapur dan mengambil 3 botol oren dan 1 botol 2T. Bila ditanya, Anuar menjawab yang ia adalah untuk isi minyak buat spare bagi perjalanan balik ke Terengganu esok. Dalam perjalanan balik Anuar singgah di stesen Shell di Jalan Besar untuk membeli minyak. Anuar seorang keluar dari kereta dengan membawa botol-botol itu. Sampai di simpang dekat rumahnya, Anuar telah keluar dari kereta dengan membawa minyak yang dibeli itu masuk ke dalam semak di kanan jalan. SP4 nampak ada orang lain di situ yang dia pasti adalah Jais dan Lobo. Ketiga-tiga mereka masuk ke dalam semak. Anuar keluar dari semak itu selepas beberapa minit dan mereka beredar. Kemudian SP4 terdengar bunyi “Boom” seperti bunyi letupan. Bila ditanya, Anuar menjawab, “Dia orang dah bakar”.

11. Pada hari berikutnya semasa dalam perjalanan pulang ke Terengganu dengan menaiki kereta, Anuar telah menunjuk kepada SP4 barang kemas dan dia memakainya. SP4 juga nampak satu

gelang tangan besar di tangan Anuar. Barang-barang kemas itu atas arahan Anuar telah dijual oleh kakaknya SP14 kepada Mek Yeh (SP5), peniaga kedai emas di Pasir Putih, Kelantan.

12. Pakar pathologi Dato' Dr. Abdul Karim (SP15), telah menjalankan bedah siasat ke atas mayat simati. Didapati ia jasad orang dewasa yang sudah rentung. Antara lain di dapati kepala tiada berkulit dan tulang tengkorak terdedah. Tulang tengkorak kelihatan ada retak berganda. Pada lehernya terdapat lilitan wayar elektrik dan kesan jerutan. Apabila dibuka saluran nafas, di dapati tidak ada jelaga di dalamnya. SP15 membuat kesimpulan simati itu ialah seorang wanita dewasa yang telah mati kemudian dibakar. Sebab kematian adalah jerutan di leher dengan wayar elektrik. Menurutnya, tiada jelaga dalam saluran penafasan menunjukkan kematian berlaku sebelum kebakaran.

13. Pegawai Sains, Abdullah bin Mohd Yusof (SP3) telah menjalankan pemeriksaan ke atas motor van yang terbakar itu pada 7.6.1999 di tempat ia ditemui. Menurutnya, van itu terletak di dalam semak dan keseluruhan van terbakar hangus termasuk isinya. Van

tersebut mempunyai nombor enjin 066899EF10. Daripada pemeriksaan di sekitar van dan juga di dalamnya, SP3 mendapati kesan hydrocarbon di bahagian bawah belakang van yang bila dianalisis di dapati adalah kesan kerosene. Beliau berpendapat van tersebut telah dibakar dengan sengaja, kemungkinannya ia dibakar dengan kerosene.

14. SP3 juga memeriksa plet nombor kenderaan CAC 4948 (P10A) dan mendapatinya dalam keadaan baik. Dia juga memeriksa satu plet nombor kenderaan yang telah pecah dan tiada sebahagiannya bernombor CAC 94 (P11A) dan mendapati bentuk huruf dan angka serta warnanya serupa dengan P10A. Pada 9.6.1999, SP3 telah memeriksa tempat nombor plet di belakang van, disuaikan dengan P10A dan mendapatinya sepadan. Analisis ke atas lain-lain eksibit iaitu baldi berwarna kuning, sehelai baju-T berjenama Dido, dan wayar-wayar yang hangus menunjukkan terdapat kesan darah manusia.

15. Hithaya Jeran s/o Narayanasamy SP17, yang menjalankan analisis DNA ke atas spesimen-spesimen darah merumuskan bahawa punca spesimen darah berlabel Nik Khazanah bt Wan Yaakub (simati) adalah ibu kandung secara biologi kepada penderma specimen-spesimen darah berlabel Tuan Rozita bt Tuan Kecil (SP7) dan Tuan Ruziah bt Tuan Kechil (SP8).

16. SP18 yang melawat tempat van dijumpai pada 5.6.1999 mendapatinya dalam keadaan hangus dan tiada berasap lagi, dengan pokok-pokok di sekelilingnya juga terbakar. Dia nampak satu jasad yang dipercayai manusia rentung di bahagian belakang van. Tengkoraknya pecah dan terdapat gelungan wayar di bahagian lehernya. Mengikut SP18, SP4 memberitahunya dia nampak salah seorang Tertuduh membawa 2 keping plet kenderaan yang telah pecah menuju ke arah kiri rumahnya menghala ke kawasan kebun. SP18 telah berjaya mengesan kedua-dua plet kenderaan itu (P20A dan B) untuk siasatan lanjut.

17. Hasil siasatannya, SP18 mendapati P20A dan B adalah sebahagian daripada plet nombor P11A yang nombornya adalah sama dengan nombor yang terdapat pada P10A iaitu CAC 4948. Nombor plet CAC 4948 itu adalah sama dengan nombor pendaftaran yang terdapat dalam Cover Note Insurance dan kad pendaftaran (P46A dan B). Berdasarkan nombor enjinnya, van yang terbakar itu disahkan adalah van yang berdaftar di P46A dan B iaitu CAC 4948 kepunyaan simati.

18. Pada 8.6.1999 Jais telah ditangkap di hadapan rumahnya di US 62 Kampong Sg. Soi. Lobo ditangkap pada 9.6.1999 di rumah No. 10, Lorong 12, RRM Kampong Perdana, Peramu, Kuantan. Pada petang hari yang sama Anuar dan SP4 ditangkap di tol Bentong.

Hujah pihak pembela dan pendakwa di akhir pendakwaan:

19. Di akhir kes pendakwaan peguambela bijaksana, Encik Krishman yang mewakili Anuar telah berhujah bahawa keterangan SP4 tidak boleh dipercayai dan harus ditolak kerana bercanggah dan perlakuannya selepas kejadian tidak munasabah sebagai seorang yang

telah mengalaminya. Hujahnya, SP4 kata dia lihat Anuar ketuk mangsa sekali dengan kayu tetapi SP15 kata kematian bukan disebabkan oleh ketukan di kepala mangsa tetapi jerutan (strangulation) di leher. Oleh itu hujahnya jikapun diterima keterangan SP4 perbuatan Anuar bukanlah penyebab kematian mangsa. Beliau juga menghujahkan Anuar tiada niat menyebabkan kematian mangsa. Dia mungkin terpengaruh dengan Jais dan Lobo. Kalau dia perlu dituduh, bukanlah tuduhan membunuh.

20. Peguambela Jais, Encik Ramli bersetuju dengan hujah En. Krishman mengenai kredibiliti SP4 dan menarik perhatian Mahkamah atas kegagalan pendakwa memanggil anak sulung SP4, yang dikatakan melihat apa yang berlaku, sebagai saksi – seksyen 114(g) Akta Keterangan (AK) dirujuk. Beliau juga mendakwa bahawa SP4 adalah rakan jenayah, oleh itu seksyen 114(b) AK terpakai kerana tiada keterangan langsung atau hal keadaan (circumstantial) dikemukakan bagi menyokong keterangannya. Mengenai P33, dihujahkan bahawa percakapan beramaran Anuar itu diragui kebenarannya dan tidak boleh menjadi keterangan sokongan kepada

SP4 kerana dibuat atas kepentingan sendiri Anuar yang merupakan rakan jenayah. Walau bagaimanapun beliau mengaku pembelaan terikat kepada ketiadaan notis alibi. Tetapi memandangkan tempat kejadian dalam pertuduhan meliputi kawasan 2 ekar dihujahkan walaupun sekiranya Jais dan Lobo ada di situ mereka tidak tahu menahu apa yang berlaku. Oleh itu beliau mohon Jais dan Lobo dilepas dan dibebaskan tanpa pembelaan mereka dipanggil.

21. Peguambela Lobo, Dato' Haranay, di dalam hujahnya mempersoalkan sama ada mangsa di dalam kes ini adalah Nik Khazanah kerana tiada kepastian darah siapa yang diambil dan siapa yang mengambilnya untuk ujian DNA. Tiba-tiba saja ia muncul di tangan SP18. Beliau juga berhujah bahawa SP4 adalah rakan jenayah yang keterangannya bukan saja tiada kredibiliti kerana bercanggah dengan keterangan lain tetapi juga tiada keterangan sokongan yang diperlukan. Lagipun tambahnya tiada kepastian siapa yang menyebabkan kematian Nik Khazanah kerana tiada bukti siapa yang menjerut lehernya. Tanpa diketahui siapa yang menyebabkan kematian maka tidak boleh dikatakan ada niat bersama untuk

membunuh. Tanpa niat bersama perlu dibuktikan siapa yang menyebabkan kematian. Beliau juga menerima pakai dan menambah kepada hujah En. Ramli bahawa keterangan SP4 tidak boleh disokong oleh P33 yang kebenaran kandungannya sendiri memerlukan keterangan sokongan. Akhirnya, beliau menghujahkan kes *prima facie* tidak dibuktikan terhadap Lobo, oleh itu beliau patut dilepas dan dibebaskan tanpa pembelaan dipanggil.

22. Timbalan Pendakwa Raya (TPR) yang bijaksana telah berhujah bahawa pengenalan identiti jasad yang dijumpai tidak dapat dipertikaikan adalah Nik Khazanah berdasarkan keterangan SP4 yang melihat simati di rumahnya dengan lehernya dililit wayar dan pada mayat terbakar ada wayar meliliti lehernya. Barang-barang kemas simati juga ada bersama Anuar dan keluarganya semasa mereka balik ke Terengganu. Van yang terbakar disahkan kepunyaan simati dan rumah Anuar adalah tempat persinggahan terakhirnya sebelum beliau dijumpai mati. Di samping itu ujian DNA juga mengesahkan identitinya. Hujahnya keterangan SP18 mengesahkan spesimen-

spesimen darah itu diambil daripada mayat simati, suaminya serta anak-anaknya dan ia tidak dicabar dalam pemeriksaan balas.

23. Berkenaan pembunuhan, keterangan SP4, SP15, SP3 dan kandungan P33 mengesahkan apa yang berlaku. Mengenai niat bersama, hujahnya, fakta bukan saja menunjukkan peranan Anuar tetapi peranan aktif setiap Tertuduh dalam menyebabkan kematian simati. Fakta juga menunjukkan Anuar, Jais dan Lobo berada di tempat kejadian sejak pagi. Telah ditunjuk perancangan yang dibuat dan bagaimana dilaksanakan oleh ketiga-tiga Tertuduh masing-masing memainkan peranan yang aktif pada setiap langkah. P33 menyokong kesimpulan SP3 dan SP15 tentang penemuan darah, jerutan di leher dan keterangan SP4 tentang apa yang berlaku. Tindakan-tindakan ini menunjukkan niat bersama semua Tertuduh untuk menghapuskan simati. Tindakan-tindakan mereka menyorok apabila mangsa sampai, memegang dan mengilas tangannya, mengetuk kepalanya, menutup pintu pagar, menjerut lehernya, membawa jasad keluar dan kemudian membakarnya jelas membuktikan niat bersama mereka. Hujahnya lagi bahawa P33 boleh

juga digunakan terhadap Jais dan Lobo mengikut seksyen 30 AK. Dengan itu dihujahkan bahawa pendakwa telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap Anuar, Jais dan Lobo dan mereka mesti dipanggil untuk membela diri.

Keputusan di akhir kes pendakwaan:

24. Di akhir kes pendakwaan, Mahkamah berkewajipan untuk menentukan sama ada pihak pendakwa telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap Tertuduh-Tertuduh seperti diperuntukkan di bawah seksyen 180(1) Kanun Prosidur Jenayah (KPJ). Pihak pendakwa perlu membuktikan intipati-intipati kesalahan seperti berikut:-

- (i) Kematian Nik Khazanah bt Wan Yaakob, simati;
- (ii) Kematianannya disebabkan oleh atau adalah akibat daripada perbuatan salah seorang atau semua Tertuduh;
- (iii) Mereka melakukannya dengan niat bersama untuk:
 - (a) menyebabkan kematian; atau

- (b) menyebabkan kecederaan badan yang mereka ketahui berkemungkinan besar akan menyebabkan kematiannya; atau
- (c) menyebabkan kecederaan badan dan kecederaan itu dalam keadaan lazim adalah mencukupi untuk menyebabkan kematiannya.

25. Bagi intipati (i) identiti simati seperti hujah TPR, bukan sahaja disahkan melalui pemeriksaan DNA tetapi dibuktikan daripada keterangan-keterangan langsung dan hal keadaan oleh SP3, SP4, pakar pathologi SP15, ahli kimia SP17 dan pegawai penyiasat SP18 serta keterangan anak-anaknya SP7 dan SP8 yang kesemuanya bila dilihat secara keseluruhannya tidak meragukan bahawa mayat rentung yang dijumpai dalam van itu ialah mayat Nik Khazanah bt Wan Yaacob.

26. Bagi intipati (ii), pihak pendakwaan telah membuktikannya melalui keterangan SP4 dan keterangan sokongannya bahawa rumah Anuar merupakan tempat terakhir persinggahan simati semasa hayatnya. Di situlah dia diserang oleh Lobo dan Jais, diketuk

kepalanya dengan kayu oleh Anuar hingga dia jatuh terkulai dan kemudian lehernya dijerut dengan wayar sebelum dia dimasukkan oleh mereka ke dalam vannya yang kemudian dibakar. SP15 mengesahkan terdapat retak berganda di tengkorak kepala simati dan simati telah mati sebelum dibakar. Penemuan lilitan wayar elektrik dan kesan jerutan di leher simati menyebabkan SP15 membuat kesimpulan bahawa kematiannya adalah akibat jerutan di leher. Van yang terbakar juga dikenalpasti adalah kepunyaan simati dengan serpihan plet nombornya dijumpai di sekitar kawasan rumah Anuar. Oleh itu simati terbukti telah menemui ajalnya akibat daripada perbuatan bersama Tertuduh-Tertuduh – tak kira siapa sebenarnya menjerut lehernya. Anuar sendiri di dalam P33 mengesahkan keterangan SP4 tentang apa yang berlaku di rumahnya pada hari berkenaan serta peranannya sendiri.

27. Walaupun pukulan Anuar bukan penyebab kematian simati, ia telah membuktikan peranan aktif Anuar bersama-sama Jais dan Lobo untuk mencederakan simati dengan kecederaan yang mereka tahu mungkin atau lazimnya boleh membawa maut. Apa yang berlaku

sebelum dan selepas itu juga menggambarkan niat bersama antara mereka, perancangan yang dibuat serta tindakan-tindakan susulan yang diambil bagi melaksanakannya bersama. Kewujudan niat bersama serta perancangan itu diperkukuhkan lagi dengan tindakan mereka tidak sekadar melumpuh keupayaan simati tetapi diteruskan dengan menjerut lehernya dengan wayar letrik. Ini diikuti pula dengan tindakan dan usaha mereka untuk melupuskan bukti perbuatan kejam mereka itu apabila plet nombor van dipecah dan dibuang serta vannya kemudian dibakar bersama jasad simati dan barang-barang perniagaannya. Penemuan dan pelupusan barang-barang kemas kepunyaan simati oleh Anuar melenyapkan apa-apa keraguan tentang penglibatan serta niat mereka bersama dan memenuhi intipati (iii).

28. Hujahan En. Krishman mengenai kredibiliti keterangan SP4 ternyata tidak tepat. SP4 tegas bahawa dia dikejut daripada tidur apabila Jais suruh dia menelefon ke rumah Salmi dan pesan minta Kak Zimah datang ke rumahnya pagi itu. Walaupun dia mulanya enggan tetapi akur apabila Anuar mengarah dia pergi. Tujuannya ialah untuk mereka membayar hutang. Apa yang didengar dalam

perbualan antara Jais dan Lobo berlaku kemudian iaitu sebelum ketibaan simati. Tiada percanggahan di situ.

29. Kegagalan SP4 memberitahu orang lain atau polis tentang apa yang telah berlaku walaupun terdapat banyak peluang berbuat demikian dan hanya memberitahu polis apabila ditangkap beberapa hari kemudian tidak bermakna dia tidak becakap benar. Apabila ditanya kenapa dia tidak meminta pertolongan orang lain semasa menunggu 2 jam bersendirian selepas kejadian, SP4 telah menjelaskan dia takut kerana telah diberi amaran oleh Jais supaya tidak ke mana-mana atau dia akan jadi macam Kak Zimah. SP4 juga menerangkan yang dia tidak berpeluang memberitahu orang lain kemudiannya kerana Anuar sentiasa ada bersamanya. Sebagai isteri yang takut dan setia kepada suaminya SP4 menjelaskan dia tak berani buat apa-apa dan tak dapat buat apa-apa.

30. Kelakuan SP4 selepas kejadian dikatakan tidak menasabah sebagai seorang yang telah mengalami kejadian yang berlaku. Hakikatnya, tidak semua orang memberi reaksi yang sama apabila

mengalami sesuatu kejadian. SP4 yang mempunyai 4 orang anak kecil dan masih dalam pantang selepas bersalin bergantung hidup sepenuhnya kepada suaminya Anuar. Adakah menasabah jika dia menghebahkan apa yang dilihatnya berlaku yang pastinya akan menyebabkan keruntuhan tempatnya berlindung? Adakah tidak menasabah baginya memilih atau merasakan terpaksa berdiam diri dan akur kepada kehendak Anuar seperti yang berlaku? Sama ada pukulan Anuar adalah sebab sebenar kematian Kak Zimah tidak menjadi pertimbangan baginya – apa yang dia tahu Anuar berperanan dalam menyebabkan kematian simati. Tidak hairan jika dia cuba mengurangkan peranan Anuar dalam kejadian itu tetapi tiada sebab kenapa dia harus melibatkan Jais dan Lobo melainkan mereka benar-benar sama terlibat.

31. Apapun jua, SP4 telah menonjolkan dirinya sebagai seorang saksi yang boleh dipercayai dan dengan jujur menyatakan kebenaran tentang apa yang berlaku di rumahnya pada kali terakhir simati dilihat masih hidup. Kredibilitinya tidak terhakis bahkan diperkuat oleh

keterangan-keterangan sokongan termasuk P33, cerita Anuar sendiri, yang hampir sama tentang kejadian di rumah mereka pada hari itu.

32. Sama ada SP4 boleh dianggap sebagai rakan jenayah (accomplice), seperti disarankan oleh En. Ramli dan Dato Haranay, bergantung kepada peranannya dalam menyebabkan kematian Kah Zimah. ‘Accomplice’ ditakrif sebagai seorang yang membantu orang lain melakukan sesuatu jenayah atau perkara yang lazimnya salah – (lihat *The Cambridge Advanced Learner’s Dictionary* 2003). Ia juga diperihalkan sebagai *particeps criminis* atau peserta dalam jenayah. Peranan SP4 di sini terhad kepada pergi ke rumah Kak Jarah atas arahan suaminya untuk membuat panggilan telefon dengan pesanan minta Kak Zimah datang ke rumahnya dan menyambut panggilan telefon daripada Kak Zimah bahawa dia akan datang. SP4 bertindak atas arahan apabila membuat panggilan telefon yang setahunya adalah bagi tujuan membayar hutang. Jika dia terlibat dalam apa-apa pakatan jenayah atau perancangan terhadap simati tidak mungkin dia memberitahu Kak Jarah bahawa pemanggil telefon adalah Kak Zimah yang akan datang untuk memungut hutang. Kehadirannya semasa

kejadian tidak lebih daripada sebagai tuan rumah yang pasif dan saksi yang melihat sendiri. Dalam keadaan yang hampir serupa Mahkamah Persekutuan dalam kes KUAN TED FATT v. PP (1985) 1 MLJ 211 bersetuju dengan keputusan Mahkamah Tinggi bahawa saksi yang melihat mangsa dibunuh bukannya rakan jenayah kerana tiada keterangan dia mengambil bahagian dalam pembunuhan itu sebaliknya dia tidak tahu perayu membawa pisau dan tidak tahu perayu berniat menggunakan pisau itu untuk membunuh simati. Atas dasar itu SP4 bukan rakan jenayah dan keterangannya tidak memerlukan keterangan sokongan.

33. Namun demikian, SP4 sebagai saksi utama dalam kes jenayah berat, keterangannya wajar dan telah diberi penelitian yang rapi. Sama ada keterangan seorang saksi boleh dipercayai bergantung kepada kebarangkalian ceritanya apabila dilihat dalam suasana keterangan-keterangan lain kes itu secara keseluruhan. Dengan kata lain, ujian sama ada menerima atau menolak keterangannya ialah ketekalan (consistency) ceritanya sendiri, bagaimana ia bertahan semasa pemeriksaan balas dan sejauh mana ia bersesuaian dengan

keseluruhan keterangan lain dan hal keadaan kes itu. Keterangan SP4 didapati konsisten, tidak tercabar oleh pemeriksaan-pemeriksaan balas yang rapi dan disokong oleh keterangan-keterangan lain dalam aspek-aspek penting seperti kewujudan pakatan jahat, ketukan di kepala dengan kayu, kejadian berlaku di ruang tamu rumahnya, jerutan di leher simati, kehadiran van simati di perkarangan rumah SP4 dan van dibakar. Perilakunya semasa memberi keterangan juga turut menyakinkan atas kejujurannya menyatakan yang benar.

34. En. Ramli turut membangkitkan kemungkinan inferens seksyen 114(g) AK dipakai atas kegagalan pendakwa memanggil anak sulung SP4 memberi keterangan atau menawarkannya sebagai saksi pembelaan. Skop pemakaian seksyen itu telah diterangkan oleh Mohamad Azmi SCJ dalam penghakiman Mahkamah Agong dalam kes *MUNUSAMY v. PP* (1987) 1 MLJ 492, 494 seperti berikut:

“It is essential to appreciate the scope of section 114(g) lest it be carried too far outside its limit. Adverse inference under that illustration can only be drawn if there is withholding or suppression of evidence and not merely on account of failure to obtain evidence. It may

be drawn from, or non-production of not just any witness but an important and material witness to the case.”

35. Isu di sini ialah sama ada anak sulung SP4 merupakan saksi penting dan perlu bagi kes pendakwa. Mengikut keterangan SP4 apabila disoalbalas oleh En. Krishman dia bersama Anuar mempunyai 5 orang anak dengan yang sulungnya berumur 9 tahun. Pada hari kejadian anak-anaknya berada di rumah (lihat muka surat 57 catitan keterangan). Dia tak pasti di mana anak sulungnya berada semasa Kak Zimah masuk ke rumahnya (lihat muka surat 59) tapi dia menafikan yang beliau berada di ruang tamu rumahnya. Menjawab kepada En. Ramli, SP4 kata dia tak pasti sama ada anak-anaknya nampak apa yang berlaku (lihat muka surat 67). Dan menjawab soalan Dato Haranay, SP4 menyatakan anaknya tak pergi ke sekolah hari itu (lihat muka surat 72) dan bila dia balik daripada menelefon, anak-anaknya ada yang bermain di luar rumah (lihat muka surat 88).

36. Pegawai Penyiasat SP18 dalam pemeriksaan balas oleh En. Krishman menjawab yang dia tidak ambil percakapan daripada anak-

anak SP4 tetapi semasa perjalanan perbicaraan percakapan anak besar SP4 ada diambil oleh DSP Rokiah (lihat muka surat 218). Menjawab kepada En. Ramli, SP18 kata SP4 mempunyai 5 orang anak dan semasa kejadian anak sulungnya berumur 7-8 tahun. Dia tidak membuat pertanyaan kepada anak sulung tersebut. Ketika diperiksa semula oleh TPR, SP18 menerangkan bahawa dia tidak buat pertanyaan kepada anak-anak SP4 kerana mereka masih kecil dan keduanya menurut SP4 anak sulungnya kurang cerdik. (lihat muka surat 236).

37. Keterangan-keterangan SP4 dan SP18 jelas menunjukkan bahawa keterangan anak sulung SP4 bukan sahaja tidak diperlukan dan tidak penting bagi membuktikan kes pendakwaan terhadap ketiga-tiga Tertuduh tetapi juga tidak ada sekatan keterangan (suppression of evidence) daripada pihak pendakwaan. Pertama, keterangan lain adalah cukup untuk membuktikan kes pendakwaan. Kedua, terdapat keraguan sama ada anak tersebut melihat apa yang berlaku dan tentang keupayaan mentalnya untuk memberi keterangan. Ketiga, keterangannya hanya boleh digunakan untuk

menyokong atau menafikan keterangan SP4 yang tidak memerlukan keterangan sokongan untuk mengisahkan kes pendakwa. Keempat, sebagai keterangan sokongan, keterangan kanak-kanak itu sendiri memerlukan keterangan sokongan. Dan kelima, pendakwa bebas memilih mana-mana saksi yang hendak dipanggil dan keterangan SP18 menjelaskan bahawa kegagalan memanggil anak tersebut sebagai saksi bukan kerana sekatan keterangan (suppression of evidence) tetapi adalah kerana ia tidak diperlukan.

38. En. Ramli membangkitkan 3 isu mengenai P33 iaitu sama ada ia boleh dipercayai, sama ada ia boleh digunakan terhadap Jais dan Lobo dan sama ada ia boleh dijadikan keterangan menyokong SP4. Dato Haranay menambah bahawa oleh kerana kemasukan P33 hanya dari segi kebolehterimaan dan bukan atas kebenaran keterangannya, ia juga memerlukan keterangan sokongan. Dan keterangan sokongan itu tidak boleh diperolehi daripada keterangan SP4 seorang rakan jenayah yang juga memerlukan keterangan sokongan.

39. Tidak boleh dinafikan terdapat keterangan sokongan bebas daripada SP3, SP4, SP7, SP8, SP9, SP12, SP15, SP17, SP18 yang lebih daripada mencukupi untuk membuktikan kebenaran pernyataan Anuar dalam P33 bahawa mangsa kejadian ialah Nik Khazanah yang telah diketuk kepalanya dengan kayu, leher dan tangannya dijerut dengan wayar di rumah kediaman Anuar dan jasadnya dibakar dalam van kepunyaan simati dalam semak tak jauh daripada situ. Daripada keterangan SP4, SP5, SP6, SP14, SP18 terdapat sokongan bertulis barang-barang kemas kepunyaan simati telah dirampas dan kemudian digadai atau ditukar dengan hasilnya digunakan oleh Anuar. Apa yang berlaku itu adalah hasil perancangan bersama dan dilaksanakan oleh Anuar bersama abangnya Jais dan kawannya Lobo selepas mereka bersama-sama menghisap dadah di belakang rumah Anuar pagi itu. Ini disokong oleh keterangan-keterangan SP4, SP10, SP11 dan SP13. P33 juga mengesahkan bahawa SP4 tidak terlibat dalam rancangan mereka tetapi telah diperalatkan untuk memastikan kedatangan simati ke tempat kejadian. Tiada sebab kenapa Anuar mahu melibatkan Jais abang kandungnya sendiri dan Lobo kawannya melainkan mereka benar terlibat. Dan tidak benar jika dikatakan

Anuar dalam P33 telah mengecilkan peranannya dan cuba menunjukkan Jais dan Lobo memainkan peranan penting dalam kejadian itu. Ini kerana Anuar sendiri mengaku dia yang mengetuk kepala simati 3 kali dengan kayu yang dia letak di atas TV sebelum itu sedangkan itu adalah perbuatan terpenting yang boleh menyebabkan kematian mangsanya.

40. Sama ada P33 sebagai pengakuan oleh seorang rakan jenayah boleh digunakan terhadap Jais dan Lobo tidak seharusnya menjadi isu lagi kerana seksyen 30 AK telah memperuntukkan secara khusus mengenainya. Seksyen itu berbunyi seperti berikut:

“30.(1) When more person than one are being tried jointly for the same offence, and a confession made by one of those persons affecting himself and some other persons is proved, the court may take into consideration the confession as against the other person as well as against the person who makes the confession.”

Atas alasan yang sama tiada sebab kenapa P33 tidak boleh menjadi keterangan menyokong SP4. Walaupun keterangan SP4 tidak memerlukan keterangan sokongan, P33 jelas selaras dan konsisten

dengan apa yang diceritakan oleh SP4 (walaupun terdapat sedikit perbezaan tentang peranan Jais dan Lobo), dengan itu menguatkan kebarangkalian bahawa apa yang dikatakannya tentang penglibatan mereka adalah benar tanpa keraguan lagi.

41. Soal siapa yang menjerut leher simati tidak penting kerana pertuduhan yang dihadapi mereka ialah menyebabkan kematian Nik Khazanah dengan niat bersama yang dibuktikan bukan sahaja untuk menyebabkan kecederaan badan yang mereka ketahui berkemungkinan besar akan menyebabkan kematiannya, tetapi untuk membunuhnya dengan tujuan untuk merompak barang-barang kemas yang dibawa dan melepaskan diri daripada tanggungan hutang-hutang daripada simati.

42. Niat bersama mereka untuk menyebabkan kecederaan badan Nik Khazanah yang mereka ketahui berkemungkinan besar akan menyebabkan kematiannya jelas terbukti dari keterangan SP4 dan P33. Sama ada versi SP4 yang Anuar mengetuk kepala simati dengan kayu bila disuruh oleh Jais berbuat demikian atau versi Anuar dalam

P33 yang dia mengetuk kepala simati dengan kayu 3 kali atas suruhan Lobo diterima, hakikatnya sama, iaitu perbuatan Anuar itu memang dirancang bersama. Buktinya, Anuar telah sediakan kayu yang diletakkan di atas TV untuk maksud itu. Dan mereka tahu ketukan kuat di kepala simati pada lazimnya pasti akan menyebabkan kematiannya. Kata-kata, “Kita terpaksa ragut Kak Zimah, kalau tidak kita sakit” yang didengar oleh SP4 daripada mulut Jais atau Lobo sebelum itu atau kata-kata Lobo, “Nanti kalau Kak Zimah datang, kau suruh isteri kau masuk bilik dan kunci pintu bilik itu. Aku akan rampas beg Kak Zimah dan Jais akan ketuk kepala Kak Zimah.” seperti dinyatakan oleh Anuar dalam P33 dengan sendiri membuktikan niat dan perancangan bersama mereka terhadap mangsanya dengan perlaksanaannya. Hasrat mereka tidak mungkin tercapai jika Kak Zimah hanya dilumpuhkan sahaja dan dibiarkan hidup kerana dia mengenali mereka dan tidak akan melepaskan mereka daripada ‘kesakitan’ yang hendak dihapuskan.

43. Setelah simati jatuh terkulai apakah tujuan Lobo pergi mengambil wayar? Apakah perlu simati dijerut lehernya dengan

wayar itu. Hanya mereka bertiga yang ada di situ dan tiada seorangpun melarang simati dijerut. Dan apabila mereka membungkus jasad itu dan mengangkatnya masuk ke dalam van tidak dapat tidak mereka telah mengetahui atau beranggapan ia tidak lagi bernyawa. Tercapailah hajat bersama mereka. Apa yang dilakukan selanjutnya hanyalah untuk melupuskan kesan dan bukti kekejaman mereka dari tempat kejadian. Oleh itu telah terbukti tanpa keraguan niat bersama mereka untuk melupuskan simati.

44. Kedudukan betul mengenai pemakaian peruntukan seksyen 34 KK mengenai niat bersama telah diterangkan oleh Majlis Privy dalam kes MAHBUB SHAH V. EMPEROR, AIR (1945) PC 118 seperti berikut:

“ Common intention within the meaning of section 34 implies a pre-arranged plan. To convict the accused of an offence applying section 34 it should be proved that the criminal act was done in concert pursuant to the pre-arranged plan.”

Dan diterangkan selanjutnya :

“To invoke the aid of section 34 successfully, it must be shown that the criminal act complained against was done by one of the accused persons in furtherance of the common intention of all: if this is shown, then liability for the crime may be imposed on any one of the person in the same manner as if the act was done by him alone.”

45. Pemakaian peruntukan ini boleh dilihat dengan lebih jelas dalam kes CHIN HON & 2 ORS V. PP (1948) 1 MLJ 193, 194 di mana faktanya hampir sama. Dalam kes itu, Pretheroe Ag. C.J. yang mengengeruskan panel Mahkamah Rayuan itu, apabila menolak rayuan, berkata:

“In this case there was abundant evidence to prove that the three appellants had made a pre-arranged plan and that this plan was duly carried out as pre-arranged. Apart from this, the three appellants were all present when the act was carried out, and that was evidence which the Assessors could have accepted to prove that each appellant took an active part in the murder.”

46. Begitulah keadaannya dalam kes ini. Pihak pendakwa telah berjaya membuktikan semua intipati kesalahan. Keterangan-keterangan khusus dan hal keadaan yang dikemukakan telah dinilai

sebaik mungkin. Dan hasilnya Mahkamah tanpa keraguan mendapati kes terhadap ketiga-tiga Tertuduh telah berjaya dibuktikan melainkan boleh dikemukakan keterangan sebaliknya. Seperti yang telah ditunjukkan sebelum ini, mereka bukan sahaja telah dibuktikan mengetahui bahawa ketukan di kepala simati yang melumpuhkan sebahagian badan simati pasti akan mengakibatkan kematiannya, tetapi mereka memang berniat bersama untuk memastikan kematiannya apabila menyebabkan leher simati dijerut dengan wayar kemudiannya.

47. Dengan itu ketiga-tiga Tertuduh dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan yang dihadapi. Mereka telah diberi 3 pilihan dan memilih untuk memberi keterangan bersumpah serta memanggil saksi masing-masing.

Kes pembelaan:

48. Anuar telah memberi keterangan sebagai SB1 dan tidak memanggil saksi lain. Jais membela dirinya sebagai SB2 dan memanggil ibunya Aminah bt Endut (SB3), 64 tahun; anak sulung Anuar, Shahriza (SB4), 11 tahun dan kakaknya, Rahmah (SB5) dan

Zaharah atau Kak Jarah (SB6) sebagai saksi. Lobo memberi keterangan sebagai SB7 dengan disokong oleh adik perempuannya, Zurina (SB8) dan rakannya Johan b. Yaakub (SB9).

49. Dalam keterangan membela dirinya, Anuar menafikan yang dia memukul dan menjerut simati walaupun dia mengakui berada di rumah tersebut semasa kejadian. Sebaliknya dia menuduh isterinya SP4 yang melakukan perbuatan tersebut. Menurutnya, SP4 telah bergaduh dengan simati dan dia nampak SP4 memukul kepala simati beberapa kali. Pada ketika itu dia baru masuk ke dalam rumah dan anak-anaknya sedang berada di ruang tamu. Kemudian dia telah tolong SP4 mengangkat simati masuk ke dalam bilik dan berbuat demikian kerana diminta dan kerana dia sayang kepada SP4. Anuar juga turut menyatakan bahawa sebelum itu dia telah membawa 4 orang anaknya ke tingkat atas rumahnya dan apabila dia turun ke tingkat bawah dia nampak SP4 sedang mengikat simati dengan wayar. Katanya SP4 mengikat di bahagian leher dan tangan simati di ruang tamu. Menjawab soalan TPR, Anuar mengakui yang Jais selalu datang ke rumahnya dan dia menghisap dadah bersamanya di

situ. Biasanya mereka menghisap dadah di belakang rumahnya. Selain Jais, kawannya yang turut datang menghisap dadah ialah Lobo.

50. Keterangan Anuar mengenai menghisap dadah walau bagaimanapun dinafikan secara tegasnya oleh Jais dalam keterangan bersumpahannya:

“S: Kamu tak pernah ambil heroin di rumah Anuar tetapi di tempat lain?”

J: Betul. Saya ambil heroin bukan di rumah Anuar.”

Menjawab kepada soalan lain oleh TPR, Jais mengatakan:

“S: Anuar kata dia selalu ambil heroin bersama kamu di belakang rumahnya. Juga bersama Lobo. Betul cakap dia?”

J: Tak betul. ”

51. Dalam keterangannya, Anuar juga cuba mewujudkan keraguan terhadap kes pendakwaan dengan mengatakan SP4 mempunyai skandal dengan pegawai penyiasat SP18. SP4 dan SP18 tidak pernah disoal balas mengenai hal ini walaupun SP18 yang memberitahu Mahkamah (semasa diperiksa balas oleh En. Krishman) bahawa SP4 telah hamil semasa Anuar berada di Penjara Penor dan telah

melahirkan anaknya. Anuar dalam keterangannya juga mempertikaikan kredibiliti SP4 dengan mengatakan bahawa dia ada bertanya kepada SP4 siapa yang membakar van tersebut apabila dia terbaca dalam sebuah akhbar tentang sebuah van terbakar di Kg. Sungai Soi dan SP4 memberitahunya yang dia telah membakar van tersebut. Dalam keterangannya Anuar ada juga menyatakan sebelum kejadian dia bersama 4 orang anaknya memberi makan ayam di belakang rumahnya tetapi mengikut keterangan Jais di belakang rumah itu tidak ada reban ayam.

52. Kesimpulannya dalam pembelaannya, Anuar menafikan peranannya dalam menyebabkan kematian simati dan telah menuduh SP4 yang melakukan pembunuhan tersebut. Mengikutnya, SP4 membunuh simati kerana tidak dapat barang yang dipesannya daripada simati iaitu rantai.

53. Jais dalam keterangan membela dirinya pula menafikan bahawa beliau berada di rumah Anuar pada hari tersebut iaitu Jumaat 4.6.1999. Menurutny, pada pagi itu dia berada di rumahnya dan

hanya bangun tidur lebih kurang pukul 11.00 pagi. Dia tidur di ruang tamu rumah di depan TV. Selepas bangun tidur dia membasuh pakaiannya sendiri serta pakaian emak dan adiknya. Pada masa itu tiada sesiapa di rumah kerana emak dan adik perempuannya telah pergi ke kebun mengambil upah petik kacang. Dia hanya berjumpa mereka apabila mereka kembali daripada kebun pada pukul 11.30 pagi. Mereka makan tengah hari bersama. Jais tidak pergi sembahyang Jumaat pada hari itu. Selepas makan, dia terus keluar rumah pergi menunggu bas untuk ke Peramu dengan tujuan untuk berjumpa kawan-kawan yang sama-sama menghisap dadah. Pada pukul 3.20 petang dia masih berada di Peramu dan hanya balik ke rumah selepas waktu Maghrib.

54. Menurut Jais, dia hanya berjumpa Anuar semasa Anuar sekeluarga membeli makanan di kedai ikan bakar di Peramu. Anuar yang mengajaknya balik ke rumah. Apabila mereka sampai di rumah di dapati emak dan adiknya sedang sembahyang. Pada malam itu dia tidak keluar lagi sehinggalah keesokan harinya selepas pukul 11.00 pagi. Tegasnya, dia tidak pergi ke rumah Anuar di Lorong Permatang

Ubi pada 4.6.1999. Jais mengakui sudah lama kenal dengan simati sebab anak simati SP7 satu sekolah dengannya ketika berumur 7 tahun. Jais menafikan dia membunuh simati atau merancang untuk membunuh simati dan dia tidak ada menyuruh sesiapa membunuh simati. Dia menegaskan dia tidak secara langsung atau tidak langsung terbabit dengan pembunuhan simati.

55. SB3 memberitahu Mahkamah yang dia tinggal bersama Jais dan seorang anak perempuan. Katanya Jais masih tidur apabila dia dan anaknya keluar bekerja pagi itu. Apabila mereka balik Jais sedang membasuh baju. Mereka makan tengah hari bersama. Lepas itu dia tidur dan apabila dia bangun selepas Asar, Jais masih ada di rumah. Dia tak ingat sama ada Anuar datang atau tidak ke rumahnya hari itu.

56. SB4 tidak faham ikrar saksi dan telah memberi keterangan tidak bersumpah setelah dia mengakui faham dia perlu bercakap benar di Mahkamah. Dia kenal Jais sebagai Pak Anjang dan Lobo sebagai Pak Cik Lobo. Katanya Kak Zimah mati di rumahnya. Pada masa itu Jais dan Lobo tidak datang ke rumahnya dan Anuar berada

di belakang rumah. Katanya Kak Zimah diketuk oleh SP4 di depan TV kemudian diikat dengan tali dalam bilik (muka surat 314). Dia juga nampak SP4 mengangkat simati masuk ke dalam bilik. Menjawab kepada En. Krishman SB4 kata semasa SP4 mengetuk dan mengikat simati Anuar berada di tingkat atas, tidak di depan TV (muka surat 315). Apabila disoal balas oleh TPR, SB4 kata Anuar berada di tingkat atas dan tak nampak (muka surat 315). Menjawab kepada TPR selanjutnya SB4 kata dia bermain di belakang rumah apabila Kak Zimah kena ketuk (muka surat 323). Kemudian dia kata Anuar berada di belakang rumah semasa Kak Zimah diketuk dan dijerut (muka surat 324). SB4 berada dalam bilik bersama adik-adiknya dan SP4 apabila simati dijerut (muka surat 325). Apabila diperiksa semula SB4 mengatakan yang dia berada di depan TV semasa simati diketuk dan Anuar di atas (muka surat 327).

57. Menurut SB5, SB4 tidak memberitahunya tentang peristiwa pembunuhan Kak Zimah. SB4 ada memberitahunya yang SB6 telah datang ke rumahnya sebelum simati datang. Apabila ditanya SB4 kata Jais tidak datang ke rumahnya. SB4 dikatakan tinggal

bersamanya atas permintaan Anuar sejak dibawa ke Mahkamah untuk perbicaraan kes ini. SB4 tinggal bersama Salmi semasa Anuar dan SP4 dalam tahanan, kemudian bersama SP4 sehingga di bawa ke Mahkamah pada awal perbicaraan. SB6 yang pergi ke rumah Anuar pada hari kejadian hanya nampak mereka berdua sahaja di rumah itu. Dia tak nampak Jais atau Lobo di situ – katanya ada 2 pasang selipar sahaja di pintu depan rumah. Menjawab kepada TPR, SB6 kata dia hanya berada di pintu depan rumah iaitu di luar sementara SP4 di dalam rumah. Begitu juga Anuar. Dia tak nampak keseluruhan dalam rumah ataupun dalam 2 bilik bawah dan dia tak nampak anak-anak Anuar masuk tengok TV tapi katanya mereka tengah bermain.

58. Lobo (SB7) di dalam keterangan membela dirinya pula menyatakan pada hari Jumaat itu dia berada di rumahnya dan bangun tidur pada pukul 9.00 pagi. Selepas basuh muka dan minum air, dia duduk di ruang depan, baring-baring dan tengok TV sekejap. Lebih kurang pukul 12.00 tengah hari dia keluar seorang diri untuk pergi ke bandar. Semasa dia keluar adik-adiknya ada di rumah tetapi emaknya telah pergi kerja.

59. Pada pukul 3.00 lebih petang itu dia telah pergi ke rumah SB9 yang berdekatan kerana telah berjanji dengannya nak cari perut ayam. Dia telah mengambil motorsikal SB9 dan pergi ke Sungai Soi. Di sana dia berjumpa dengan Anuar dekat simpang jalan besar dari lorong ke rumah Anuar. Anuar minta dia menghantarnya ke Tanah Putih tetapi dia enggan kerana dia dah lewat hendak pergi ke Paya Bungor. Kemudian dia pergi masuk ke Kg. China untuk cari ayam untuk dibuat umpan memancing di Paya Bungor. Dia balik dalam pukul 4.00 petang, ambil air sirap di rumah untuk dibawa bekal dan pergi ke rumah SB9. Dia telah bertolak ke Paya Bungor lebih kurang pukul 5.00 petang bersama SB9 dengan menaiki motorsikal SB9.

60. Apabila sampai di Paya Bungor dekat pukul 6.00 petang, dia telah pasang tajur dengan menggunakan umpan ayam. Lepas memasang tajur hari dah malam dan dia tidur di rumah kawan SB9 yang namanya dia tidak ingat. Dia tidak tahu di mana kawan Johan itu berada sekarang. Pagi esoknya dia pergi tengok tajurnya. Kemudian dia bersama SB9 menebas tanah arwah emak SB9. Petang itu dia balik dan sampai di Kuantan pukul 6.00.

61. Lobo menafikan dia bersama-sama dengan Anuar dan Jais membunuh simati pada hari Jumaat 4.6.1999. Bahkan dia menafikan yang dia pergi ke rumah Anuar pada bila-bila masa pada hari tersebut. Dia juga menafikan yang dia berjumpa dengan Jais dan membakar van simati bersama dengannya. Lobo turut menafikan yang dia berpakat dengan Anuar dan Jais untuk membunuh simati.

Hujah pihak pembela di akhir kes pembelaan

62. Mengenai punca kematian simati En. Krishman merujuk kepada keterangan SP15 yang mengesahkan simati mati dijerut dan bukan dipukul.

63. Selanjutnya diujahkan bahawa Mahkamah berhadapan dengan 3 versi kes ini, yang pertama mengikut P33 oleh Anuar, yang kedua seperti keterangan SP4 dan yang ketiga seperti keterangan pembelaan Anuar dan SB4. Menurutnya, walaupun P33 diterima sebagai keterangan, kandungannya tidak benar. Beliau merujuk kepada alasan Anuar tentang perbezaan kandungan P33 dengan ceritanya di Mahkamah, iaitu “Pertamanya, saya dipukul oleh pihak

polis. Kedua, Ida (SP4) berjanji suruh ikut statemen ini. Dan dia berjanji kepada saya untuk menjaga anak-anak saya.” Versi Anuar hanya diberitahu kepada peguamnya selepas SP4 memberi keterangan dan dia mendapati SP4 telah hamil. Dia mendakwa SP4 ada scandal dengan SP18. Katanya semasa dia ditangkap SP4 baru lepas bersalin 40 hari. Peguam seterusnya merujuk kepada keterangan SP4 yang mengatakan Jais suruh dia panggil Kak Salmi minta Kak Zimah datang yang berbeza dengan P33 di mana Anuar kata dia suruh SP4 panggil. Tambahnya dalam P33 Anuar kata dia dan SP4 jemput Kak Zimah masuk tetapi dalam keterangannya SP4 kata Jais tak benarkan dia pergi ke pintu bila Kak Zimah datang. Dalam P33 van dibakar pada pagi 5.6.99 tetapi SP4 kata minyak dibeli pada 4.6.99, diserahkan kepada Jais dan Lobo dan van dibakar pada petang yang sama. Juga dalam P33 Anuar kata cincin ditebus di Kuantan dahulu pada 4.6.99 tetapi SP4 tidak sebut langsung hal itu. Oleh sebab-sebab itu, peguambela menghujahkan P33 tidak benar kandungannya.

64. Mengenai versi SP4, peguambela yang bijaksana mengulangi hujahnya mempertikai kridibiliti SP4 sebagai saksi di akhir kes

pendakwaan. Katanya SP4 berada lama sendirian di rumahnya sebelum Anuar mengambilnya, kemudian ke rumah mertuanya dan esoknya ke Terengganu bersama keluarganya dan lepas itu ke Kuala Kubu Baru. Hujahnya, tidak boleh diterima akal selama beberapa hari itu SP4 kata dia tiada kesempatan memberitahu orang lain tentang apa yang terjadi. Tambahnya, SP14 nampak SP4 dan Anuar seperti biasa saja dan tidak murung. Dan SP3 dalam keterangannya menyatakan kesan kerosene dijumpai pada van tetapi SP4 kata Anuar beli petrol oleh itu SP4 tidak bercakap benar. Dihujahkan keterangan SP4 tidak benar kerana perlakuannya bukan seperti 'ordinary person'.

65. Dihujahkan versi ketiga, adalah cerita sebenar. Semasa kejadian Anuar berada di belakang rumah. Apabila dia masuk ke dalam baru dia nampak SP4 memukul kepala Kak Zimah. SP4 yang sebenar memukul mangsa lepas itu baru Anuar membantu menghapuskan jasad mangsa. SB4 dikatakan menyokong Anuar berada di belakang rumahnya semasa mangsa mati. Hujah peguam, walaupun SB4 disoal balas dengan rapi dia dapat menjawab dengan betul soalan yang pendek dan mengesahkan mangsa dijerut oleh SP4.

Oleh itu dihujahkan pendakwa gagal membuktikan tanpa keraguan yang Anuar melakukan pembunuhan itu dan patut dibebaskan.

66. Encik Ramli bagi pihak Jais menghujahkan di dalam kes ini 3 orang saksi melihat pembunuhan, iaitu SP4, Anuar dan anak mereka SB4. Persoalannya ialah sama ada SB4 betul-betul nampak apa yang terjadi. Katanya, SP4 mengakui kemungkinan SB4 nampak apa yang terjadi. SP18 juga kata SB4 nampak apa yang berlaku hari itu dan TPR tidak mengajukan soalan kepada SB4 yang dia tak nampak apa yang terjadi. Oleh itu hujahnya jawapannya positif yang SB4 nampak apa yang terjadi. Persoalan undang-undang sama ada keterangan SB4 boleh diterimapakai dan boleh dipercayai dijawab oleh seksyen 113A AK yang memberi ruangan kepada Mahkamah untuk menerima keterangan kanak-kanak jika berpuashati dia memahami apa yang benar dan tidak benar serta soalan yang diajukan. Katanya SB4 menjawab dengan tepat soalan-soalan tentang apa yang dia nampak, walaupun tidak memberi jawapan yang tepat tentang soalan-soalan collateral. Tambahnya, ini suatu yang tragik yang pasti beliau ingat apa yang berlaku dan siapa yang melakukannya.

67. Dakwaan bahawa Jais dan Lobo tidak berada di tempat kejadian semasa pembunuhan berlaku dihujahkan disokong oleh keterangan Anuar. Keduanya, mengikut SB3 Jais masih tidur semasa dia keluar dari rumah dan berada di rumah semasa dia balik dan mereka makan tengah hari bersama. SB6 yang pergi ke rumah Anuar pada pukul 12.30 tengah hari tidak nampak Jais dan Lobo di rumah itu. Dia hanya perasan selipar Anuar dan SP4 saja yang ada di pintu depan rumah. Jais sendiri juga menafikan yang dia pergi ke rumah Anuar. Ini dibandingkan dengan keterangan SP4 yang Jais dan Lobo berada di rumahnya sejak awal pagi dan merancang pembunuhan itu. Sebaliknya hujah En. Ramli, keterangan SB4 bahawa ibunya SP4 yang melakukan pembunuhan itu dengan memukul kepala mangsa dengan kayu dan menjerut lehernya dengan tali disokong oleh keterangan Anuar.

68. Mengenai keterangan hal keadaan yang lain peguambela merujuk kepada keterangan SP3 tentang kerosene sebagai bahan bakar yang digunakan dan menghujahkan soalan dari mana datang kerosene itu terjawab apabila Anuar mengaku di rumahnya terdapat

dapur minyak dan minyak kerosene memang ada disimpan di rumahnya. Mengenai kesan darah yang terdapat pada baldi P15-A dan baju T P16-A, dihujahkan SP4 mengaku beliau akhir menggunakannya pada pagi itu tetapi bagaimana kesan darah boleh terdapat di situ tidak dijawab. Hujahnya lagi SP4 mengaku pakaian biasanya di rumah ialah baju-T dan kain sarung dan P-16A adalah pakaian wanita dan itu disahkan oleh SP18. Tiada wanita lain di rumah itu selain SP4. Peguam merujuk kepada gambar-gambar P4-GL dan 4-HC – dan meragui sama ada SP4 dikurung dalam bilik itu. Menurutny pendakwa kata terdapat mangga pada pintu tapi gambar P4HC jelas menunjukkan tiada mangga di tempat yang ditanda bulatan oleh SP18. SP4 serta 4 orang anaknya dikatakan ditolak ke dalam bilik itu oleh Lobo seorang dalam masa yang singkat – sedangkan anak-anak itu boleh berjalan dan berada di merata tempat. Hujahnya ini tidak mungkin. Ia menguatkan keterangan SB4 dan menolak keterangan SP4.

69. Dihujahkan bahawa Jais ditangkap hanya berasaskan dakwaan SP4. Tiada apa-apa barang dijumpai padanya. Dihujahkan

penyiasatan terhadap Jais dan Lobo tidak dijalankan dengan rapi atau secara adil. En. Ramli menghujahkan sekiranya Mahkamah menerima keterangan SB4 sepenuhnya ketiga-tiga Tertuduh mesti dilepaskan dan dibebaskan. Tambahnya, pembelaan mereka bukan sahaja berjaya menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwaan tetapi telah menunjukkan siapa pembunuh yang sebenar.

70. Dato' Haranay berhujah bahawa penyiasatan kes tidak dijalankan dengan rapi hingga orang yang terlibat tidak didakwa tetapi orang lain dijadikan mangsa tuduhan. Menurutnya intipati pertuduhan perlu dibuktikan melampaui keraguan yang munasabah. Katanya Lobo hanya perlu membangkitkan keraguan ke atas kes terhadapnya. Beliau menerima pakai hujah-hujah yang dibangkitkan oleh peguambela-peguambela Anuar dan Jais yang berkaitan dengan Lobo.

71. Beliau tidak menafikan kematian Nik Khazanah tetapi mempersoalkan sama ada Lobo melakukan perbuatan yang menyebabkan kematian itu. Katanya, dakwaan bahawa Lobo berada

di tempat kejadian sejak awal pagi itu, semasa mangsa dijerut dan semasa van dibakar telah dinafikan oleh Lobo dan disokong oleh SB4 yang mengesahkan Lobo tidak datang ke rumahnya. SB8 pasti Lobo berada di rumah mereka. Oleh itu tiada orang lain berada di rumah SP4 selain SP4 dan keluarganya. Kes pendakwa sangat diragui. Jais juga tidak ada di situ seperti hujah peguamnya. Oleh itu kehadiran Tertuduh 1-3 untuk menyamun seperti didakwa oleh SP4 adalah tidak benar. Lobo jelas tidak berada di rumah itu semasa mangsa sampai atau semasa mangsa dipukul atau dijerut, itu keterangan SB4. Lobo tidak tahu siapa yang menjerut mangsa – yang pasti beliau tidak ada di situ.

72. Menurut peguam, yang berpeluang dan tahu di mana van itu dan ada bahan-bahan untuk membakarnya ialah SP4. Lobo waktu itu ada bersama SB9 di Paya Bungor sedang memancing. Itu kali pertama SB9 mengajaknya memancing dan mereka bermalam di sana. Oleh itu tidak menasabah Lobo berpeluang melakukan perbuatan itu pada malam berkenaan. Beliau tidak bersama Anuar dan Jais di tempat kejadian hari itu. Oleh itu tidak timbul pemakaian

seksyen 34 KK. Dihujahkan apa yang berlaku adalah antara suami-isteri atas niat dan tujuan mereka sendiri. Kemungkinan besar kerana kesempitan wang. SP4 tidak bekerja dan Anuar sakit. Setelah mereka ditangkap mereka membuat cerita dan melibatkan orang lain. Itulah sebabnya P33 dirakam yang menunjukkan pakatan antara mereka. Setelah lama berada dalam tahanan Anuar baru menerangkan apa yang berlaku, iaitu Jais dan Lobo tidak bersama mereka. Ini disokong oleh SB4. Hujahnya lagi, tidak ada langsung bukti yang boleh mengaitkan Lobo kepada kejadian ini selain dakwaan SP4. P33 tidak boleh dijadikan sebagai bukti penglibatan Lobo selain daripada 'to tip the balance'. Tidak ada apa-apa hasil diperolehi oleh Lobo.

73. Tambahnya lagi, keterangan SB4 perlu ditimbang. Dia boleh menjawab apa yang dilihat yang dia tahu. Apa yang dia tak dapat beri ialah bila diminta pandangan. Dia tidak ada imagination oleh itu bukan orang yang boleh diajar atau membuat cerita. Cerita SB4 adalah konsisten dengan fakta – di mana mangsa dipukul dan dijerut dengan kesan-kesan darah yang dijumpai. Dihujahkan baju P16A

itulah yang dipakai oleh SP4 dan darah itu yang tersembur daripada mangsa. Atas dasar itu peguambela menghujahkan pendakwa gagal membuktikan kes terhadap Lobo dan beliau mestilah dibebaskan.

Pertimbangan di akhir kes pembelaan

74. Di akhir perbicaraan kes, Mahkamah perlu menimbang semua keterangan yang telah dikemukakan dan memutuskan sama ada pihak pendakwa telah membuktikan kesnya melepasi keraguan yang munasabah. Keraguan yang dimaksudkan di sini bukan sebarang keraguan khayalan atau rekaan tetapi mestilah keraguan yang berbangkit daripada kebenaran yang berjaya dibuktikan setelah semua keterangan yang boleh diterima diteliti dengan rapi. Sharma J dalam kes PP v. SAIMIN & ORS (1971) 2 MLJ 16, 17 telah menerangkannya seperti berikut:

“... it must be a doubt so solemn and substantial as to produce in the minds of the jurors some uncertainty as to the verdict to be given.”

Oleh itu di tahap ini Tertuduh-Tertuduh perlu mengemukakan keterangan yang boleh menimbulkan keraguan yang menasabah

terhadap kes yang telah dibuktikan terhadap mereka oleh pihak pendakwa. Beban mereka jauh lebih ringan daripada pendakwa kerana mereka tak perlu meyakinkan Mahkamah bahawa versi mereka adalah benar atau patut dipercayai, memadai dengan mereka menimbulkan keraguan yang menasabah bahawa mereka yang melakukan apa yang didakwa.

75. Pembelaan Anuar, seperti yang dinyatakan lebih awal, tidak menafikan pembunuhan Nik Khazanah di rumahnya tetapi mendakwa yang melakukannya ialah isterinya SP4. Dia hanya diminta membantu setelah simati diketuk kepala dan dijerut lehernya oleh SP4 dan dia berbuat demikian atas dasar sayang kepada isteri. Versi Anuar sekarang ternyata bertentangan dengan apa yang dia beritahu kepada polis dalam P33 seminggu selepas dia bersama SP4 ditangkap. Anuar juga turut menafikan kehadiran dan penglibatan abangnya Jais dan rakannya Lobo dalam kejadian itu.

76. Sama ada punca kematian adalah pukulan di kepala atau jerutan di leher simati sebenarnya tidak membantu Anuar dalam pembelaannya jika terbukti rancangan bersama antaranya dengan Jais

dan Lobo untuk membunuh simati. Hakikatnya ialah pembelaan Anuar bukan saja mengesahkan kematian Nik Khazanah tetapi juga dia telah diketuk kepalanya dengan kayu dan dijerut lehernya di rumah sebelum dibakar di dalam vannya dalam semak tak jauh dari rumah itu. Hujahan En. Krishman bahawa terdapat 3 versi apabila diteliti ternyata tidak tepat kerana ada 2 versi sahaja sebenarnya iaitu versi SP4 dan versi Anuar dalam keterangannya.

77. Dihujahkan bagi pihaknya bahawa kandungan P33 adalah tidak benar atas sebab-sebab yang diberi oleh Anuar dalam keterangannya. 3 sebab yang dimaksudkan ialah sebab-sebab yang diberikan bila ditanya kenapa kandungan P33 berlainan daripada keterangannya, iaitu dia dipukul oleh polis, SP4 berjanji suruh ikut “statemen ini” dan SP4 berjanji kepadanya untuk menjaga anak-anak mereka. Sebab pertama telah ditolak apabila P33 diterima sebagai keterangan dan sebab-sebab selainnya ternyata suatu ‘after thought’ dan tidak menasabah kerana sebahagian keterangan P33 tidak mungkin diketahui oleh SP4 bahkan pakatan untuk memberi percakapan mengikut kehendak SP4 tidak pernah dibangkitkan

semasa perbicaraan dalam perbicaraan mengenai P33. Lagipun tiada ditunjukkan peluang untuk SP4 berjumpa Anuar dalam tempoh seminggu tahanannya sebelum P33 dirakam.

78. Memang terdapat perbezaan antara versi SP4 dan P33 tetapi tiada percanggahan dari segi asas faktanya. Sama ada Anuar atau Jais yang menyuruh SP4 pergi menelefon Kak Salmi telah dijelaskan oleh SP4 – Jais yang menyuruhnya tetapi apabila dia enggan Anuar yang minta dia pergi. Oleh itu tiada percanggahan apabila Anuar dalam P33 kata dia yang suruh SP4 menelefon Salmi. Begitu juga siapa yang suruh Anuar ketuk Kak Zimah – SP4 kata Jais suruh tetapi Anuar dalam P33 kata Lobo yang suruh dia. Hakikatnya ialah Anuar lah yang mengetuk Kak Zimah dan berbuat demikian apabila disuruh oleh salah seorang daripada mereka (Jais atau Lobo).

79. Peguam merujuk kepada dakwaan Anuar dalam P33 yang SP4 menjemput Kak Zimah masuk ke rumahnya yang dikatakan berbeza dengan keterangan SP4 sendiri yang Jais tak benarkan dia pergi ke pintu depan bila Kak Zimah datang. Saya tidak nampak percanggahan di sini kerana Anuar tidak menyatakan di situ

bagaimana SP4 menjemput Kak Zimah masuk, sama ada dengan perbuatan atau hanya dengan perkataan.

80. Dakwaan peguambela bijaksana bahawa terdapat percanggahan antara SP4 dan P33 tentang tarikh van dibakar adalah tidak benar kerana kedua-duanya merujuk kepada waktu awal pagi 5.6.99. Dalam keterangannya SP4 ada menyatakan “waktu itu hampir cerah” iaitu semasa mereka keluar daripada rumah mertuanya.

81. Tiada asas bagi peguambela bijaksana meragukan keterangan SP4 atau perlakuannya yang dikatakan bukan seperti orang biasa. Dia hanya merupakan seorang suri rumah yang tidak bekerja dan baru lepas pantang bersalin dan bersama 4 orang anak mereka bergantung hidup sepenuhnya kepada suaminya Anuar. Dalam keadaan yang berlaku dan dengan ugutan daripada Jais bahawa apa yang terjadi kepada simati boleh juga berlaku kepadanya, adakah wajar baginya mencari kesempatan untuk memberitahu orang lain tentang apa yang telah dilakukan oleh suaminya itu? Dakwaan SP4 tidak bercakap benar mengenai Anuar membeli minyak petrol sedangkan kesan

minyak pada van yang terbakar adalah minyak kerosene adalah tidak tepat. Apa yang diberitahu oleh SP4 ialah, “Sebelum pergi Anuar ada masuk ke dapur dan ambil 3 botol oren dan 1 botol 2T. Saya tanya dia buat apa. Dia kata untuk isi minyak buat spare bagi perjalanan beliau ke Terengganu esok.” Yang menyebut tentang minyak petrol bukannya SP4 tetapi ialah Anuar di dalam P33 yang mengaku membelinya dan menyerahkan kepada Lobo dan Jais pada pagi 5.6.99. Anuar mendakwa minyak kerosene digunakan juga untuk memasak di rumahnya tetapi SP4 tidak disoal balas apabila dia kata dia hanya menggunakan dapur gas untuk memasak.

82. Versi Anuar ialah dia berada di belakang rumah semasa kejadian dan hanya nampak SP4 memukul kepala simati apabila dia masuk ke dalam dan dia diminta membantu menghapuskan jasad mangsa. Dia hanya tolong mengangkat jasad simati dari ruang tamu rumahnya ke dalam bilik dan pada malamnya ke dalam van dan memandu van itu ke dalam semak. Dia hanya tahu tentang van dibakar apabila membaca akhbar mengenainya 2 hari kemudian di Kelang pada 8.6.99.

83. Pembelaan Anuar bukan sahaja bertentangan dengan pernyataannya dalam P33 dan dengan keterangan isterinya SP4, tetapi juga didapati bercanggah dengan keterangan saksi bebas SP9 dan tidak konsisten dengan dan tidak disokong oleh keterangan anaknya SB4.

84. SP9 nampak van tidak ada nombor dengan 3 orang muda di dalamnya (mengikut SP4 mereka adalah Anuar, Jais dan Lobo) melalui jalan di hadapan rumah Anuar pada pukul 4.00 petang 4.6.99. Dia yang sedang menunggang motosikal Viragonya terpaksa berhenti di tepi jalan semasa berselisih dengan van itu kerana jalan sempit. Apa yang dilihatnya adalah dari jarak dekat dan tidak dicabar. Begitu juga tarikh dan masa kerana mengikutnya dia keluar semula dari rumahnya lepas sembahyang Asar dan esoknya 5.6.99 van terbakar dengan mayat di dalamnya dijumpai di kawasan berdekatan. Keterangan SP9 jelas menafikan dakwaan Anuar yang dia seorang yang memandu van itu, yang plate nombornya tidak dinafi telah dibuang dan mayat Kak Zimah di dalamnya, ke arah semak berdekatan rumahnya pada pukul 10.00 malam yang sama.

85. SB4 yang dipanggil oleh Jais sebagai saksinya hanya mampu memberi keterangan tidak bersumpah. Dia berumur 9 tahun semasa kejadian dan 11 tahun semasa memberi keterangan. Dia tidak faham ikrar saksi apabila dibaca kepadanya. Keterangannya mengenai penglibatan Anuar di dapati berubah-ubah. Menjawab kepada peguambela Jais sama ada Anuar dan SP4 berada di rumah semasa Kak Zimah mati dia menjawab, “Ma (SP4) ada. Bak (Anuar) duduk di belakang rumah.” Menjawab kepada peguambela Anuar dia kata, “Ja (SB4) nampak Ma ketuk dan ikat Mak Cik (simati). Masa itu, Bak ada kat atas (merujuk kepada tingkat atas rumah mereka). Dia tak ada di depan TV.” Apabila disoal balas oleh TPR dia sekali lagi menjawab “Bak kat atas rumah. Dia tak nampak.” Apabila pemeriksaan balas disambung esoknya jawapan SB4 berubah lagi seperti berikut:

- “ S : Mak Cik Zimah kena ketuk di mana Ja tak tahu.
J : Tahu.
S : Masa kena ketuk Bak di mana.
J : Di belakang.
S : Masa Mak Cik Zimah kena jerut, Bak di mana.
J : Di belakang rumah.
Betul, Bak tidak masuk dalam rumah.”

Dalam pemeriksaan semulanya SB4 mengubah semula keterangannya dengan menyatakan Anuar berada “kat atas” semasa dia nampak SP4 ketuk simati.

86. Apa yang berlaku selepas simati diketuk dijawab kepada peguambela Jais seperti berikut :

“ S : Lepas itu dia buat macam mana.

J : (Diam).

Ma ketuk Mak Cik Mah di depan TV. Ma ikat Mak Cik Mah dalam bilik. Ma bawa Mak Cik Mah ke dalam bilik.

S : Macam mana dia bawa Mak Cik Mah ke dalam bilik.

J : (Diam).

Ja nampak Ma bawa Mak Cik Mah ke dalam bilik. Dia angkat dengan tangan.

Keterangan ini diulangi dalam pemeriksaan semula :

“ S : Masa itu Bak ada di mana.

J : Kat atas.

Lepas Ma ketuk Mak Cik Mah dia ikat Mak Cik Mah. Dia ikat dengan tali. Dia ikat Mak

Cik Mah dalam bilik. Dia ikat Mak Cik Mah di bahagian tekak.

S : Macam mana Mak Cik Mah boleh masuk ke dalam bilik.

J : Angkat.

S : Siapa yang angkat.

J : Ma yang angkat. ”

87. Dengan keterangan sedemikian, SB4 ternyata tidak bercakap benar dan kemungkinannya dia tidak nampak apa yang berlaku. Keterangan SB4 yang tidak bersumpah itu memerlukan sokongan untuk diterima dan dengan berdolak dalik pula ia di dapati tidak kredibel dan tidak boleh menyokong pembelaan Anuar bahawa SP4 bukan dia yang memukul simati dengan kayu. Mengenai simati dijerut lehernya di dalam bilik ini ternyata bercanggah dengan keterangan SP4 yang tidak dicabar, bahkan juga dengan pembelaan Anuar sendiri bahawa simati dipukul kepala dan dijerut leher di ruang tamu, bukan dalam bilik.

88. Oleh itu hujah peguambela bijaksana bahawa versi Anuar adalah cerita sebenar tidak dapat diterima. Ternyata Anuar telah

berbohong. Pembelaan Anuar tidak menimbulkan apa-apa keraguan atas kebenaran kes pendakwaan.

89. Pembelaan Jais bergantung kepada keterangan ibunya SB3, anak Anuar SB4 dan Anuar sendiri. Jais menafikan penglibatannya dengan pembunuhan simati dengan alasan dia tidak pun pergi ke rumah Anuar pada hari kejadian. Tetapi keterangan Jais dan SB3 yang menunjukkan dia berada di rumahnya dari pagi hingga tengah hari, kemudian ke Peramu dan hanya balik selepas waktu Maghrib, merupakan keterangan yang menyokong pembelaan *alibi* dan tidak boleh diterima kerana tiada notis *alibi* diberi mengikut kehendak seksyen 402A KPJ. Black's Law Dictionary Ed 6 memberi maksud *alibi* sebagai "*alibi* is a defence that places the defendant at the relevant time of the crime in a different place than the scene involved and so removed therefrom as to render it impossible for him to be the guilty party".

90. Dengan ketiadaan keterangan menyokong *alibi* itu dan penolakan keterangan Anuar dan SB4 atas alasan-alasan yang

dinyatakan terlebih awal, pembelaan Jais gagal menimbulkan apa-apa keraguan terhadap kes pendakwaan kerana ia tinggal penafian kosong.

91. Lagi pun, keterangan Anuar tidak boleh membantu penafian Jais tentang kehadirannya di rumah Anuar semasa kejadian pembunuhan Kak Zimah kerana sebagai rakan jenayah keterangannya tidak boleh dipercayai melainkan disokong dalam butiran-butiran terpenting - rujuk seksyen 114(b) AK. SB4 tidak boleh menyokong Anuar tentang penafian itu kerana keterangannya sendiri bukan sahaja diragukan kebenarannya tetapi juga memerlukan sokongan.

92. Penggantungan Jais kepada keterangan SB4 adalah penggantungan kepada dahan yang buruk dan rapuh. SB4 bukan sahaja hanya mampu memberi keterangan tidak bersumpah tetapi juga berdolak dalik dalam keterangannya di Mahkamah dan ceritanya kepada pihak polis. SB6 dihujahkan menyokong keterangan SB4 kerana dia hanya nampak 2 selipar di luar pintu depan rumah Anuar dan tak nampak Jais dan Lobo di rumah itu. SB4 pergi ke rumah

Anuar lama sebelum kejadian dan dia tidak pun masuk atau menjengok ke dalam rumah, sedangkan mengikut SP4 yang tidak dicabar mengenainya, Jais dan Lobo ada bersembunyi di dalam bilik nombor 2 pada masa itu. Lagipun mereka datang dari belakang rumah, oleh itu jika mereka memakai selipar ia tentu ditinggalkan di pintu belakang bukan di pintu depan. Juga kaedah berhati-hati (rule of prudence) memerlukan keterangan tidak bersumpah seorang kanak-kanak disokong oleh keterangan bebas dalam butiran-butiran penting-nya - rujuk LOO CHUAN HUAT v. PP (1971) 2 MLJ 167 FC.

93. Keterangan SB4 juga tidak boleh membantu Jais kerana tidak konsisten. Dia hanya konsisten mengatakan yang simati diangkat oleh SP4 masuk ke dalam bilik di mana lehernya diikat dengan tali, yang mana didapati bercanggah dengan keterangan SP4 dan juga Anuar bahawa simati dijerut lehernya di ruang tamu. Oleh itu diragukan sama ada SB4 betul melihat apa yang berlaku dan timbul persoalan dari sumber mana dia mendapat ceritanya.

94. Jais berpeluang membaca P33 dan bersetuju namanya dan Lobo ada dikaitkan oleh Anuar dengan pembunuhan Kak Zimah di rumah Anuar. Jika benar dia tidak pergi ke rumah Anuar dan tidak terlibat dengan kejadian di rumah itu pada 4.6.99 seperti yang didakwanya, adalah aneh baginya menjawab kepada TPR dengan mengatakan dia tidak pasti ceritanya kepada polis lebih kurang sama seperti yang dicerita oleh Anuar dalam P33 (lihat muka surat 302). Lebih aneh lagi apabila dia mengulangi jawapan yang serupa sebentar kemudian seperti berikut (di muka surat 303):

“Saya tak pasti cerita yang Anuar beri kepada polis itu sama dengan cerita yang saya beri kepada polis. Saya tak pasti sama ada kemungkinannya sama. Betul, statement saya diberi pada hari yang sama 17.6.99. Saya tahu tarikh yang sama kerana pada hari itu kami dapat berjumpa sekejap untuk statement diambil.

Saya tak pasti sama ada saya juga ada sebut nama Anuar dan Lobo dalam statement saya.”

Jika dia tidak bersama dengan Anuar dan Lobo di rumah Anuar pada hari tersebut, tidak mungkin dia tak pasti. Dia tidak menafikan kebenaran statement yang dirakam daripadanya. Tiada sebab bagi

Anuar membabitkan abang kandungnya sendiri dengan pembunuhan itu walaupun sekiranya benar isterinya yang melakukan kekejaman itu. Pengakuan Anuar di dalam P33 bukan saja menjadi bukti terhadapnya tetapi boleh juga membuktikan penglibatan Jais dan Lobo rakan jenayahnya – lihat seksyen 30 AK.

95. Apapun jua, berpandukan pemerhatian Mahkamah Agung dalam kes *YAU HENG FANG v. PP* (1985) 2 MLJ 335 bahawa s. 402A KPJ tidak meletakkan beban yang lebih berat kepada seseorang tertuduh untuk membuktikan pembelaan *alibinya*, Jais hanya perlu membangkitkan keraguan yang menasabah terhadap kes pendakwaan. Lihat juga *ILLIAN v. PP* (1988) 1 MLJ 421 SC. Dalam keadaan yang dihuraikan sebelum ini dia di dapati gagal berbuat demikian.

96. Pembelaan Lobo tidak berbeza dengan Jais kerana ia juga berupa *alibi* tanpa notis seksyen 402A KPJ diberi mengenainya. Seksyen 402A menetapkan bahawa keterangan yang menyokong pembelaan *alibi* tidak boleh diterima melainkan notis diberi kepada

Pendakwa Raya 10 hari sebelum perbicaraan. Oleh itu keterangan saksi-saksinya SB8 dan SB9 tidak boleh diambilkira bagi membuktikan kehadirannya di rumahnya dan pemergiannya ke rumah SB9 dan seterusnya ke Paya Bungor bersama SB9 pada hari berkenaan dan dia hanya kembali esoknya kerana itu semua merupakan keterangan yang menyokong pembelaan *alibi* dengan menempatkan Lobo di tempat dan masa selain daripada yang dia didakwa berada. Rujuk KU LIP SEE v. PP (1982) 1 MLJ 194, 196.

97. Dengan penolakan keterangan Anuar dan SB4, pembelaan Lobo tinggal penafian kosong yang tidak membangkitkan apa-apa keraguan terhadap kes pendakwaan.

98. Dakwaan Lobo yang dia berada di rumahnya sejak pagi hingga pukul 12.00 tengah hari Jumaat itu dan kemudian keluar ke bandar hingga pukul 3.00 petang diragukan. Tiada keterangan menyokongnya sedangkan telah dibukti melalui SP4 dan Anuar (dalam P33) yang menunjukkan dia berada di rumah Anuar sejak pagi hingga 3.15 petang apabila dia dilihat oleh SP11 menunggang

motosikal tidak jauh daripada tempat kejadian. Keterangan pergi memancing bersama SB9 petang itu berlaku selepas pembunuhan Kak Zimah. Ia hanya boleh menyokong yang dia tidak terlibat dengan pembakaran van dan mangsanya tetapi ia juga diragukan atas sebab-sebab yang sama.

99. Tiada sebab bagi Anuar melibatkan Lobo, kawan menghisap dadahnya, dengan pembunuhan kejam Kak Zimah di rumahnya jika Lobo tiada bersamanya. Dia mungkin sanggup menanggung akibat perbuatan isterinya tetapi sukar diterima baginya melibatkan orang lain yang begitu rapat dengannya. SP4 juga tiada sebab hendak menganiaya Lobo, rakan baik suaminya sedangkan tiada perselisihan faham atau pergaduhan antara mereka.

100. Atas sebab-sebab yang dihuraikan saya mendapati tiada keraguan yang menasabah telah ditimbulkan oleh pihak pembelaan terhadap kes pendakwaan. Saya dapati pendakwa telah berjaya membuktikan kesnya terhadap ketiga-tiga Tertuduh Anuar, Jais dan Lobo melampaui keraguan yang menasabah. Mereka telah

dibuktikan bersama-sama dan dengan niat bersama menyebabkan kematian Kak Zimah di rumah Anuar. Dengan itu mereka didapati bersalah dan disabitkan. Mereka telah dijatuhkan hukuman mati di bawah seksyen 302 Penal Code.

Bertarikh : 9.10.2007

TENGGU DATO' BAHARUDIN SHAH BIN TENGGU MAHMUD
Hakim Mahkamah Rayuan

TPR Mohd Shariff bin Abu Samah
bagi pihak Pendakwa Raya.

En. Krishman mewakili Tertuduh 1

Tuan Syed Azimal bersama En. Ramli
mewakili Tertuduh 2

Dato Haranay mewakili Tertuduh 3.